

Wanita sambut baik pengenalan skim bantuan khas dalam RMK-8

UM - 1 NOV 2003
KUALA LUMPUR 31

Okt. — Pengenalan skim bantuan khas bagi usahawan wanita dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) disambut baik oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili kaum wanita di negara ini.

Umumnya, mereka menyifatkan skim bantuan itu sebagai satu insentif tambahan kepada golongan peniaga wanita yang turut menyumbang secara agresif kepada pembangunan ekonomi negara.

Yang Dipertua Pertubuhan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesion (Peniagawati), **Puan Sri Ashidah Minin** berkata, pengenalan skim khusus untuk wanita merupakan sesuatu yang sangat ditunggu-tunggu selama ini.

“Dalam perniagaan, kita bukan hanya perlukan daya tahan tetapi juga modal.

“Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengajar kita semua mengenai ketahanan, namun kewangan tetap menjadi satu halangan,” katanya

ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas mengenai pengenalan skim bantuan khas bagi wanita yang diumumkan oleh bekas Perdana Menteri semasa membentangkan kajian separuh penggal RMK-8, di Parlimen semalam.

Tambah Ashidah, pengenalan skim tersebut juga memperlihatkan keyakinan masyarakat dan negara terhadap golongan peniaga wanita di negara ini.

Menurut Presiden Per-

satuan Pekerja Wanita, **Silam Hassan** pula, skim khas tersebut mampu meningkatkan jumlah peniaga wanita di negara ini.

Ia juga, katanya, boleh membuka lebih banyak ruang kepada wanita bekerja untuk menceburi bidang perniagaan sekiranya mereka berminat.

“Melalui penglibatan wanita dalam perniagaan, jumlah peluang pekerjaan baru juga akan bertambah,” ujarnya.

Selain itu, beliau juga yakin pengenalan skim

tersebut merupakan satu bentuk hadiah daripada Dr. Mahathir kepada kaum wanita menjelang persaraannya,

“Walaupun ada banyak lagi yang boleh dibuat, namun, langkah ini juga boleh dianggap sebagai satu langkah yang bijak,” katanya.

Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita-Wanita Malaysia (NCWO), **Prof. Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin** berkata, penubuhan skim khas memudahkan kelompok peniaga wanita mendapat bantuan dana.

“Bantuan-bantuan sebelum ini dibuka kepada umum dan keadaan ini menyebabkan tidak banyak yang diperoleh oleh wanita.

“Dengan adanya skim khas, maka nasib peniaga wanita akan lebih terbela,” katanya.

Ujar beliau, NCWO merancang untuk mengadakan kempen khas bagi mendedahkan kepada kaum wanita mengenai kewujudan skim bantuan khas tersebut.